



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail:ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA INFLUENZA A(H1N1)
DAN TINDAKAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

30 Mei 2009

Kementerian Kesihatan Malaysia ingin memaklumkan bahawa sehingga jam 8.00 pagi, 30 Mei 2009, Bilik CPRC Kebangsaan telah menerima notifikasi sebanyak empat belas (14) kes yang dimasukkan ke wad isolasi di lima (5) buah Hospital Rujukan Influenza A(H1N1) bagi tujuan penyiasatan. Daripada 14 kes tersebut, 13 adalah negatif manakala 1 masih menunggu keputusan. Sehingga kini sebanyak 324 kes telah dimasukkan ke wad isolasi untuk penyiasatan dimana 321 disahkan negatif dan dua (2) disahkan positif. Dua (2) kes yang positif adalah seperti yang dilaporkan pada pada 15 dan 16 Mei 2009 yang lalu.

Seperti yang dilaporkan semalam, seramai 7 orang masih diletakkan di bawah "home quarantine". Dua (2) daripadanya ialah kontak kepada kes yang disahkan di Taiwan pada 24 Mei 2009. Mereka sedang dikuarantin sehingga 31 Mei 2009 (Ahad). Lima (5) individu lagi yang dikuarantin pula ialah kontak kepada kes di Singapura pada 26 Mei 2009. Mereka sedang dikuarantin sehingga 2 Jun 2009 (Selasa). Pada masa ini, kesemua individu yang sedang dikuarantin dalam keadaan sihat dan memberikan kerjasama yang baik kepada pihak Kementerian Kesihatan.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memaklumkan, sehingga 29 Mei 2009, jam 6.00 petang, tiga (3) negara baru melaporkan kejadian influenza A(H1N1) menjadikan jumlah negara terlibat sehingga kini bertambah kepada 53 buah. Dalam tempoh yang sama, sebanyak 738 kes baru dilaporkan di seluruh dunia menjadikan jumlah keseluruhan kes influenza A(H1N1) yang disahkan melalui ujian makmal sehingga kini ialah sebanyak 15,510 kes. Peningkatan tersebut berlaku di 22 buah negara iaitu Argentina (18), Australia (108), Brazil (1), Canada (197), Chile (79), Colombia (1), Dominican Republic (2), Ecuador (4), Finland (1), Germany (1), Italy (1), Mexico (104), Panama (31), Perancis (1), Peru (4), Romania (2), Sepanyol (1), Singapura (3), Slovakia (1), Sweden (1), United Kingdom (18) dan Uruguay (2). Tiga (3) kematian baru dilaporkan, iaitu Kanada (1) dan Mexico (2), menjadikan jumlah kematian sehingga kini sebanyak 99.

Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sehingga 30 Mei 2009, jam 8.00 pagi, seramai 23,854 individu yang tiba dari negara terbabit telah disaring. Daripada jumlah tersebut, 19,351 (81.1%) orang disaring di pintu masuk udara, 1,715 (7.2%) di pintu masuk laut dan 2,788 (11.7%) di pintu masuk darat. Sebanyak dua (2) kes yang dikesan di pintu masuk udara telah dirujuk ke hospital rujukan untuk pemeriksaan lanjut.

Sehingga 30 Mei 2009 jam 8.00 pagi, kumulatif penumpang yang disaring di semua pintu masuk adalah seramai 268,169 orang di mana 216,343 (80.7%) disaring di pintu masuk udara, 15,203 (5.7%) di pintu masuk laut dan 36,623 (13.6%) di pintu masuk darat. Daripada jumlah tersebut, 58 orang telah dirujuk ke Hospital Rujukan influenza A(H1N1) bagi tujuan penyiasatan.

Setakat ini, bilangan kes yang dilaporkan di Malaysia hanya berjumlah dua (2) orang, iaitu pada 15 dan 16 Mei 2009 yang mana ia merupakan kes import daripada Amerika Syarikat. Tiada penularan tempatan (local transmission) influenza A(H1N1) di Malaysia.

Kementerian Kesihatan Malaysia ingin menasihati orang ramai agar sentiasa mengambil langkah-langkah penjagaan kebersihan diri masing-masing. Ini termasuklah mengamalkan etika batuk (cough etiquette) dengan baik, iaitu menutup mulut dengan sapu tangan atau tangan sendiri ketika batuk dan bersin. Seterusnya, membasuh tangan dengan sabun dan air selepas batuk dan bersin.

Selain itu, orang ramai yang mengalami batuk dan selesema juga dinasihati agar memakai topeng muka jenis 'three ply' untuk mengelak jangkitan kepada orang lain, terutamanya ketika berada di tempat yang sesak dengan orang ramai. Mereka yang mengalami demam, batuk dan selesema dinasihati agar tidak melakukan perjalanan keluar negara atau dari luar negara untuk pulang ke Malaysia, bagi mengurangkan risiko jangkitan pernafasan kepada orang lain.

Kementerian Kesihatan Malaysia juga ingin memaklumkan bahawa negara Malaysia adalah bebas daripada penularan influenza A(H1N1) dan oleh itu, pelawat-pelawat luar negara dan juga penduduk Malaysia tidak perlu bimbang kerana negara ini selamat daripada jangkitan influenza A(H1N1).

Pada masa yang sama, Kementerian ini ingin menasihatkan orang ramai agar sentiasa mengambil perhatian terhadap situasi semasa penyakit ini dan mendapatkan maklumat yang terkini dan tepat dari Kementerian Kesihatan melalui laman sesawang Kementerian Kesihatan iaitu <http://www.moh.gov.my> dan pengumuman KKM melalui media dari masa ke semasa

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 30 Mei 2009